

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**FEK 403.2 - Farmakoepidemiologi**

**Masa: 2 jam**

---

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

I. (A) Berikan definisi farmakoepidemiologi.

(3 markah)

(B) Terangkan fasa-fasa penyelidikan klinikal pra-pemasaran serta kebaikan dan keburukannya.

(8 markah)

(C) Bincangkan faktor-faktor mengapa penyelidikan farmakoepidemiologi dijalankan.

(8 markah)

(D) Bincangkan bagaimana kesan advers sesuatu drug yang telah dipasarkan dapat dikesan atau dimonitor. Juga nyatakan kebaikan dan keburukannya.

(6 markah)

II. (A) Huraikan secara ringkas tentang kegunaan risiko nisbi (nisbah odds), risiko relatif dan risiko absolut dalam penyelidikan farmakoepidemiologi.

(10 markah)

(B) Prevalens penyakit jantung koronari menurun setelah usia pesakit 70 tahun, sementara insidensnya terus meningkat dengan usia. Berikan huraian anda tentang maksud kenyataan tersebut.

(5 markah)

.....3/-

- (C) Dalam suatu kajian kohort untuk menentukan hubungan antara kepekatan kolesterol dengan penyakit jantung koronari di kalangan orang lelaki berumur 30 - 60 tahun, risiko berikut telah diperolehi:

risiko relatif = 2

risiko atribut = 200 per 1000 lelaki 30 - 60 tahun

Jelaskan pendapat anda tentang risiko penyakit itu.

(5 markah)

- (D) Apakah yang dimaksudkan dengan "nyata secara statistik"?

(5 markah)

- III. Bincangkan mengenai konsep "kualiti hidup" dan jelaskan hubungannya dengan ciri-ciri keselamatan klinikal, efikasi, kesan mudarat serta kos drug.

(25 markah)

- IV. (A) Tulis nota ringkas mengenai rekabentuk kajian berikut:

(i) kajian eksperimental

(ii) kajian kohort

(iii) kajian kawalan kes

(12 markah)

- (B) Apakah kajian utilisasi drug (DUR)? Bandingkan kajian DUR kualitatif dengan kajian DUR kuantitatif.

(13 markah)

- V. Bincangkan langkah-langkah yang terlibat dalam penilaian farmakoekonomik bahan-bahan farmaseutikal di sesebuah hospital.

(25 markah)